

# Karnival Hari Keluarga Media UMS bersama anak-anak yatim meriah

NST 15.2.2016 5

KOTA KINABALU: Karnival Hari Keluarga Media UMS 2016 dan Tanggungjawab Sosial Korporat bersama anak-anak yatim telah berlangsung dengan meriah di Pantai Odec di sini kelmarin.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan untuk meraihkan disamping berkongsi kegembiraan bersama anak-anak yatim dari Rumah Kebajikan Anak Kesayangan KK, antaranya seperti sukaneka, pertandingan mewarna, pertandingan Karaoke dan juga cabutan tiket bertuah.

Karnival tersebut turut disertai oleh rakan media tempatan yang datang bersama keluarga masing-masing bagi memeriahkan acara tahunan itu.

Program telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Ums Prof Dr Shahril Yusof.


Beliau dalam ucapan ringkasnya berharap rakan media tempatan akan terus bekerjasama padu dengan pihak Ums pada masa akan datang, ini kerana liputan serta laporan media mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak UMS telah banyak membantu memartabatkan nama universiti itu.



SHAHRIL bersama-sama dengan anak-anak yatim melepaskan belon berwarna-warni sebagai tanda merasmikan karnival itu.

Terdahulu Shahril turut menyatakan bahawa dia akan mencadangkan usul kepada pihak perpustakaan UMS untuk membuka keahlian kepada pihak media, agar rakan media yang terdiri daripada pihak wartawan mahupun editor, dapat mengakses perpustakaan UMS secara on-

line bagi memudahkan media melaksanakan tugas mereka dalam topik yang berkaitan dengan UMS atau merujuk info yang diperlukan. - OLEH NOOR EVIANA DATU MAZINAL ([nooreviana@newsabah-times.com.my](mailto:nooreviana@newsabah-times.com.my))



SUKANEKA ... ahli media memeriahkan lagi sukan mengupas telur rebus.